

20/03/2000

Dedah rahsia: Kementerian jumpa Nube

ALOR GAJAH, Ahad - Kementerian Sumber Manusia akan mengadakan pertemuan dengan Kesatuan Pekerja Bank Kebangsaan (Nube) bagi mendapatkan penjelasan mengenai tindakan kakitangan dua bank di negeri ini yang mendedahkan rahsia urusan pelanggannya.

Menterinya, Datuk Dr Fong Chan Onn berkata, pertemuan itu akan diadakan minggu depan membabitkan pemimpin-pemimpin Nube dalam usaha kementerian mendapatkan penjelasan terhadap dakwaan berkenaan.

Katanya, perbincangan pada pertemuan itu akan tertumpu kepada usaha meningkatkan disiplin di samping mewujudkan semangat menghormati hak pelanggan di kalangan kakitangan bank di negara ini.

"Nube perlu memberikan penekanan kepada anggotanya supaya meningkatkan tahap disiplin masing-masing, kita tidak mahu orang ramai hilang keyakinan terhadap bank-bank di negara ini ... ini sangat merbahaya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri jamuan makan malam anjuran St John Ambulans Cawangan Pulau Sebang di A'Famosa Resort di sini, malam tadi.

Hadir sama ialah Pemerintah Agung St John Ambulans Malaysia, Datuk Dr Low Bin Tick. Pada majlis itu juga St John Ambulans cawangan Pulau Sebang menerima sumbangan sebuah van ambulans bagi mengerakkan kegiatan mereka di samping bertindak dalam kes-kes kecemasan di kawasannya.

Fong mengulas kenyataan Ketua Menteri Melaka, Datuk Wira Mohd Ali Rustam yang mendakwa kakitangan Bank Islam dan Bank Bumiputera Commerce cawangan negeri ini mendedahkan urusan kerajaan dengan bank-bank itu melalui Internet.

Jumaat lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula dilaporkan berkata pengurusan bank "sedikit sebanyak" perlu bertanggungjawab terhadap tindakan pekerja mereka yang membocorkan urusan pelanggan dengan bank yang dianggap sulit kepada umum.

Ditanya sama ada tindakan kakitangan di dua bank itu berikutan keputusan kerajaan menggabungkan beberapa bank : Dr Fong berkata "Apa juga perasaan mereka terhadap kesan penggabungan atau tindakan yang dibuat oleh majikan itu tidak boleh dijadikan sebab,".

Beliau berkata, sebagai kakitangan institusi kewangan, mereka mempunyai tanggungjawab, amanah dan disiplin untuk mengekalkan maruah serta imej bank di mana mereka berkerja.

(END)